

21/01/2003

Guru sedia diserap ke sekolah kebangsaan

JELI: Beberapa orang guru sekolah agama Yayasan Islam Kelantan (YIK) di sini menyambut baik kesediaan Kerajaan Pusat menyerap guru sekolah agama rakyat (SAR) ke sekolah kebangsaan.

Cadangan itu memberi peluang kepada mereka menikmati keistimewaan di sekolah kebangsaan termasuk ditawarkan skim gaji lebih baik.

Bagaimanapun, mereka berharap cadangan itu perlu ada hitam putih dari Kerajaan Pusat iaitu dengan mengeluarkan surat pekeliling dan surat tawaran daripada Kementerian Pendidikan.

Beberapa guru yang ditemui Berita Harian di sini memberikan reaksi positif dan mereka menyambut baik cadangan berkenaan.

Seorang guru sekolah agama, Mahmood Jidin, 54, berharap tawaran itu ikhlas dan menjadi kenyataan sekiranya Kerajaan Pusat hendak membela nasib guru SAR.

"Kami yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak bercakap kosong dalam hal ini. Bagaimanapun, kerajaan perlu ada kenyataan rasmi terutamanya menerusi surat pekeliling dan surat tawaran daripada guru terbabit.

"Kami tidak mahu tawaran itu hanya sekadar di akhbar, sedangkan sebelum ini Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsudin, pernah membuat kenyataan seumpamanya tetapi tiada surat rasmi daripada kementerian," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Khamis lalu, bahawa kerajaan sedia menyerap guru SAR berkelayakan ke sekolah kebangsaan.

Perdana Menteri berkata, guru terbabit akan ditawarkan gaji lebih baik berbanding yang diperoleh di SAR.

Malah, katanya, guru SAR tidak terlatih akan turut ditawarkan dan kerajaan sanggup memberi latihan perguruan kepada mereka tetapi akan diambil sebagai guru sementara kerana kerajaan perlu tahu sama ada mereka ikhlas atau tidak.

Seorang lagi guru yang enggan namanya disiarkan berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana bersedia membela nasib guru SAR.

"Saya gembira kerana Kerajaan Pusat prihatin membela guru itu dengan memberi tawaran bukan saja kepada guru terlatih, malah sanggup memberi latihan perguruan kepada guru tidak terlatih," katanya.